

## AKTIVISME SOSIAL DAN PEMERKASAAN PENGLIBATAN MASYARAKAT DALAM ERA MEDIA BAHARU

Kartini Kamaruzzaman<sup>i</sup>

<sup>i</sup> (Penulis Koresponden). Pensyarah Kanan, Program Komunikasi Media Baharu, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia. kartinikamaruzzaman@usim.edu.my.

### Abstrak

Masyarakat merupakan anggota penting bagi sesebuah negara yang mampu menyumbang kepada pembangunan dan tunjang kepada pembentukan perpaduan nasional. Masyarakat juga bertindak sebagai agensi sosial yang memainkan peranan penting melalui penglibatan aktiviti sosial. Namun, kita melihat pembangunan teknologi yang pesat memberi cabaran kepada penglibatan masyarakat secara aktif, di mana masyarakat turut memerlukan kemahiran penggunaan teknologi media baharu untuk mengambil bahagian dalam mana-mana aktiviti sosial secara dalam talian. Sungguhpun perspektif barat memberikan penekanan terhadap pembangunan 'Masyarakat Bermaklumat' dan sudut pandang 'tekno-sosial' yang mencerminkan peranan agensi sosial dalam penghasilan maklumat dan tuntutan kemahiran, perspektif tersebut terpisah dari lensa agama. Artikel ini membincangkan aktivisme sosial dan pemerksaan penglibatan masyarakat dalam era media baharu menerusi teori dan sorotan kajian menurut perspektif barat dan Islam. Dapatan dari perbincangan mendapati Islam turut menekankan ilmu, pengetahuan dan kemahiran. Komiditi bukanlah matlamat utama kerana pemerksaan penglibatan masyarakat perlu menitikberatkan pembangunan insan berlandaskan prinsip dan nilai-nilai Islam. Artikel ini turut menghuraikan fenomena aktivisme sosial yang banyak dikendalikan menerusi media sosial serta kesan dari penggunaan media baharu terhadap aktivisme sosial.

Kata kunci: *Aktivisme sosial, Media Baharu, Pemerksaan Masyarakat.*

### PENDAHULUAN

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menyatakan komitmen kerajaan Malaysia untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun di samping dapat memperkasakan kesaksamaan dalam masyarakat. Ia juga menzahirkan matlamat untuk memperbaiki jurang ketidaksamarataan agar kestabilan dan kemakmuran negara dapat dikukuhkan. Ini termasuklah memperkasakan masyarakat dalam aspek penggunaan media baharu agar setiap genap lapisan masyarakat mencerminkan pemahaman serta dapat mempraktikkan literasi media baharu.

Penggunaan teknologi dan pengetahuan media digital menyumbang kepada kemakmuran negara apabila masyarakat mempunyai kemahiran dan berinformasi. Ianya meliputi kebolehan mengakses, memahami, menganalisa dan menilai sesuatu kandungan maklumat, disamping berkemahiran dalam menggunakan sesebuah platform media. Pada masa kini, Internet kian menjadi sumber utama kepada

komunikasi dan bertindak sebagai infrastruktur maklumat yang mengatur kehidupan sosial kita. Sehingga ke hari ini, Internet juga dilihat menjadi prasyarat dalam kebanyakan aktiviti sosial.

Teori dan sorotan kajian berkenaan kepentingan informasi, komunikasi dan teknologi banyak dibincangkan terutamanya menerusi perspektif negara-negara barat. Penggunaan Internet dianggap sebagai infrastruktur teknologi yang membenarkan perhubungan dan penglibatan sosial. Internet juga dianggap sebagai teknologi yang dapat dimanipulasi untuk meraih komoditi (Castells, 1996, 2010). Struktur rangkaian teknikal yang turut melibatkan rangkaian komputer diangkat sebagai model untuk memberi takrifan bagaimana sesebuah maklumat atau data dapat diformat, disebar dan diterima melalui teknologi media baharu juga sebagai pencapaian yang dihasilkan oleh manusia (Fuchs, 2017).

Walau bagaimanapun, takrifan tersebut terbatas kepada persoalan bagaimana teknologi membolehkan dan menyulitkan sesuatu aktiviti sosial menerusi perspektif tekno-sosial serta peranan agensi sosial yang tugasnya tertumpu kepada penghasilan maklumat dan kemahiran untuk meraih komoditi. Menerusi penulisan ini, penulis membincangkan penglibatan masyarakat dan aktivisme sosial dalam era media baharu serta mengambil kira kepentingan perspektif Islam menerusi huraian kepentingan ilmu pengetahuan, prinsip tawhidik dan maqasid shari'ah. Seterusnya, membincangkan aspek aktivisme sosial, aktivisme sosial dalam talian, perdebatan sorotan kajian aktivisme sosial dalam talian, isu pemerksaan peranan dan penyertaan masyarakat, isu kebersamaan, tindakan kolektif dan identiti kolektif, dan fenomena aktivisme sosial dalam talian.

## **METODOLOGI: SOROTAN KAJIAN BERFOKUS**

Tinjauan sorotan kajian melalui kaedah '*focused literature review*' digunakan dengan tujuan mengenal pasti sorotan kajian dan teori yang berkaitan dengan topik berbincangan dalam artikel. Pelaksanaan tinjauan sorotan kajian yang berfokus dilakukan adalah bagi menyokong hujah perbincangan dan untuk memberi maklumat kepada pembaca. Kaedah tersebut berbeza dengan '*systematic review*' atau tinjauan sorotan kajian secara sistematik di mana perbincangan artikel memerlukan persoalan kajian yang terperinci. Oleh yang demikian, proses tinjauan sorotan kajian secara berfokus mempunyai limitasi di mana ianya tidak spesifik untuk menjawab persoalan kajian tertentu (Huelin et al., 2015; Shamseer et al., 2015).

Kaedah sorotan kajian berfokus membolehkan penulis untuk mengenal pasti pilihan artikel seperti teori berkenaan sosial dan '*information society*' serta sorotan kajian berkenaan aktivisme sosial, aktivisme sosial dalam talian dan pemerksaan penglibatan masyarakat yang menyentuh topik utama perbincangan artikel ini.

Tinjauan sorotan kajian berfokus juga digunakan sebagai strategi untuk memberi ruang proses sintesis hubungan disiplin yang berbeza berkaitan isu aktivisme sosial dan hubungannya dengan media baharu serta pemeraksanaan masyarakat.

## **'INFORMATION SOCIETY' KE ARAH MASYARAKAT YANG BERILMU DAN BERPENGETAHUAN: PERSPEKTIF BARAT DAN ISLAM**

Sesebuah maklumat mempunyai nilai yang amat signifikan. Akses kepada maklumat dan komunikasi sosial adalah penting bagi menentukan tahap kesejahteraan dan kerjasama dalam sesebuah masyarakat (Mäkinen, 2006). Manuel Castells (2010: 21) membincangkan konsep '*Information Society*' yang merujuk kepada peranan maklumat dalam sesebuah masyarakat. Perkataan '*Information*' menghuraikan kepentingan maklumat serta peranan agensi sosial di mana generasi berpengetahuan serta aktiviti memproses dan menyebarkan maklumat menjadi sumber produktiviti penting yang mencerminkan simbol kuasa global ekoran perkembangan teknologi. Oleh yang demikian, masyarakat kontemporari wajar dipanggil sebagai masyarakat berpengetahuan kerana maklumat merupakan sumber asas yang menentukan produktiviti (Castells, 1996, 2010).

Melalui teori sosial, Castells (2010) turut membincangkan bagaimana maklumat dan teknologi kian mempengaruhi masyarakat serta penjana ekonomi (seperti data raya) dan politik. Konsep '*Information Society*' digunakan bagi menjelaskan logik rangkaian Internet yang membentuk masyarakat dalam talian melalui teknologi pemrosesan maklumat yang menghasilkan agensi dan interaksi sosial. Menurut Castells (2010), masyarakat kontemporari adalah produk kepada proses perkembangan sosial yang melalui fasa transformasi teknologi. Melalui fasa tersebut, teknologi termasuklah media baharu tidak hanya meningkatkan potensi sosial, tetapi juga merubah struktur sosial berdasarkan prinsip (pegangan hidup) dan prestasi (daya literasi) mereka. Dalam era media baharu, kita melihat bagaimana masyarakat sentiasa berpusat kepada teknologi (Castells, 2000). Berpandukan teori media yang diulas oleh Marshall McLuhan, Castells (2010) beranggapan media tidak hanya dianggap sebagai alat komunikasi, tetapi sebagai teknologi yang mampu mengubah skala, kadar atau bentuk urusan dalam kehidupan manusia.

Isu berkaitan hubungan sosial dengan media dan Internet turut dikupas oleh Christian Fuchs (2008, 2017) yang menyatakan media bukanlah teknologi semata-mata, tetapi merupakan sebuah sistem tekno-sosial. Definisi tersebut merujuk kepada teknologi komunikasi dan informasi yang boleh memudahkan juga menyukarkan aktiviti-aktiviti sosial, di mana proses tersebut berlaku daripada situasi yang kompleks seperti maklumat yang dihasilkan, disebarkan, dan digunapakai oleh masyarakat dengan adanya bantuan teknologi. Proses tersebut merupakan proses yang memerlukan kesedaran reflektif yang menghubungkan struktur teknologi

dengan agensi sosial (Fuchs, 2017: 37). Dari sudut teknikal, Internet merangkumi kedua aspek struktur teknologi dan interaksi sosial (Fuchs, 2017). Internet bukan sahaja rangkaian komputer, tetapi rangkaian yang menghubungkan rangkaian sosial dengan rangkaian teknologi dan rangkaian komputer (Fuchs, 2017: 37). Oleh yang demikian, penggunaan internet juga sebenarnya melibatkan aspek agensi sosial.

Perspektif Islam turut menekankan kepentingan maklumat dan ilmu pengetahuan. Sunnguhpun begitu, menurut Zulkiple (2003), terdapat perbezaan antara ilmu dan maklumat. Dari sudut pandang Islam, ilmu memerlukan penghayatan yang mendalam kerana ianya menyentuh aspek pembangunan insan. Ini berbeza dengan takrifan maklumat yang mudah dimanipulasi dan dimonopoli untuk tujuan komoditi seperti yang dipegang oleh perspektif barat (Mowlana, 1993, Zulkiple, 2003). Oleh yang demikian, bagi proses penyebaran ilmu dan maklumat, Islam lebih menitikberatkan aspek pembangunan etika, moral dan nilai-nilai murni dengan tujuan membangunkan masyarakat yang berakhlak, berintegriti dan bertanggungjawab.

Islam amat menyarankan setiap individu untuk berilmu pengetahuan terhadap sesuatu perkara ketika menyebarkan dan menyampaikan maklumat. Tambahan pula, ianya menjadi tanggungjawab setiap Muslim untuk membina masyarakat yang berilmu di samping menjaga dan meningkatkan keimanan kepada Allah. Lensa Islam turut menekankan tanggungjawab individu untuk mencari dan menyampaikan ilmu pengetahuan kerana proses tersebut dapat membantu mereka untuk melakukan aktiviti seharian, membuat keputusan, dan berurusan dalam aktiviti kemasyarakatan (Zulkiple, 2003).

Prinsip '*Information Society*' atau 'Masyarakat Bermaklumat' yang dipegang oleh para sarjana barat adalah berlandaskan idea paska moden dan paska industri yang hanya tertumpu kepada struktur sosial dan sistem kapitalisma. Di mana kedua-dua aspek tersebut mengangkat matlamat akhir berkaitan penguasaan globalisasi (Zulkiple, 2003). Kesan daripada situasi tersebut menyebabkan terbentuknya masyarakat yang hanya mementingkan aspek kemahiran dan kreativiti untuk menguasai ilmu berkaitan informasi, komunikasi dan teknologi demi meraih keuntungan. Perkara ini perlu diteliti dan diseimbangkan di mana menurut prinsip Islam, matlamat akhir bukanlah untuk mengaut keuntungan semata-mata tanpa memikirkan dan mengamalkan prinsip ketauhidan dan tasawwur Islam (Abdullah Ahmad Badawi, 2016). Prinsip-prinsip Islam perlu menjadi panduan agar individu (khususnya Muslim) dalam sesebuah masyarakat dapat memaknai kehidupan, ilmu dan maklumat tanpa dipenjarakan oleh prinsip manipulasi dan komoditi yang diamalkan oleh barat.

Pembangunan teknologi yang pesat juga perlu dinilai dari sudut kepentingan maqasid syari'ah agar teknologi dan media baharu dapat dimanfaatkan bagi menyumbang kebaikan untuk perihal masyarakat dan negara (Raquib, 2016). Al-Ghazali berpendapat maqasid (objektif-objektif) dan shari'ah (undang-undang) menekankan kepentingan menjaga perihal kemanusiaan dari sudut masalah merangkumi kesejahteraan masyarakat untuk memelihara agama, kehidupan, akal, keturunan, dan harta benda (Opwis, 2010, Jalil, 2011). Tujuan maqasid shari'ah adalah untuk memelihara keperluan, kehendak dan membuat penambahbaikan dalam sesebuah masyarakat. Sehubungan dengan itu, penekanan perspektif maqasid shari'ah juga perlu menjadi tunjang dalam memahami konteks penglibatan masyarakat dalam aktivisme sosial secara dalam talian agar penggunaan teknologi tidak cuma bersandarkan pemahaman 'Masyarakat Bermaklumat' yang dipelopori barat, tetapi perlu merangkum aspek tekno-sosial dan tekno-etika berlandaskan agama Islam.

## **AKTIVISME SOSIAL**

Kajian mengenai aktivisme sosial banyak diberi penekanan dari sudut pandang teori 'Aktivisme Sosial' dan menggunakan pendekatan konstruktivisme (Dumitraşcu, 2015). Menurut perspektif aktivisme sosial dan konstruktivisme, aktivisme sosial merangkumi proses pembelajaran yang berlaku dalam persekitaran sosial serta melibatkan aktiviti kolaboratif (aktiviti bersama). Teori aktivisme sosial menjelaskan bahawa masyarakat melakukan pelbagai aktiviti seperti berkomunikasi, berinteraksi, belajar antara satu sama lain, dan memaknai sesuatu perkara serta membina pengetahuan dari proses tersebut (Dumitraşcu, 2015).

Istilah aktivisme merujuk kepada kepelbagaian aktiviti dan tindakan yang dirancang atau disengajakan di mana fokus aktiviti tersebut adalah untuk mempengaruhi dan memberi kesan kepada perubahan sosial atau politik (Brenman & Sanchez, 2014; Dumitraşcu, 2015; Meikle, 2018). Secara khususnya, Meikle (2018) mengenal pasti bahawa tujuan aktivisme adalah untuk mencapai tujuan tertentu, membawa perubahan tertentu, dan mencapai kesan yang diinginkan, dan ianya juga berkait dengan usaha untuk menimbulkan perasaan tertentu atau mempengaruhi persepsi individu atau kumpulan dalam sesebuah masyarakat. Pelaku atau agensi sosial yang terlibat dalam aktivisme cenderung membawa tindakan sama ada dalam bentuk menyokong atau menentang sesuatu isu, kuasa atau hegemoni (Melucci, 1996; Brenman & Sanchez, 2014; Meikle, 2018).

Aktivisme sosial pula merujuk kepada tindakan atau aktiviti di mana individu atau kumpulan bekerjasama untuk membawa perubahan dalam sesebuah masyarakat (Meikle, 2018). Perkataan 'sosial' merujuk kepada 'masyarakat', manakala perkataan 'aktivisme' merujuk kepada individu atau kumpulan yang terlibat dalam mengambil

tindakan serta melakukan aktiviti kerana penyertaan dan peluang yang ada (Brenman & Sanchez, 2014; Dumitraşcu, 2015). Selain itu, istilah aktivisme sosial juga merujuk kepada keputusan atau pilihan peribadi individu atau individu dalam sesebuah kumpulan untuk terlibat dalam aktiviti sosial atau politik di mana penyertaan mereka adalah secara sukarela. Ini adalah kerana istilah aktivisme sosial lebih merujuk kepada tindakan atau aktiviti yang tidak melibatkan paksaan (Brenman & Sanchez, 2014).

Dumitraşcu (2015) telah mengenal pasti empat jenis aktivisme sosial. Pertama merujuk kepada aktiviti di mana masyarakat menuntut penyelesaian terhadap masalah sosial dengan mengambil sikap menentang politik arus perdana seperti melalui demonstrasi. Kedua merujuk aktivisme alternatif terhadap sistem dominan dengan membina cara-cara baru tingkah laku sosial. Ketiga merujuk kepada aktiviti untuk mewujudkan aktivisme alternatif baru dalam masyarakat. Keempat merujuk kepada aktivisme revolusioner yang berkaitan dengan perubahan asas masyarakat.

Aktivisme sosial juga terkenal sebagai proses menganjurkan aktiviti untuk mendapatkan sokongan daripada individu yang tidak tergolong dalam kumpulan tertentu. Ini bermaksud aktivisme sosial tidak tertumpu hanya kepada individu, tetapi melibatkan usaha dan tindakan bersama dalam masyarakat. Dari sudut pandang Islam, aktivisme sosial juga perlu mencapai objektif '*hayat tayyibah*' yang memberi maksud peranan individu supaya menyeimbangkan kehidupan yang baik di dunia mahupun di akhirat (Abdullah Ahmad Badawi, 2016).

Aktivisme sosial boleh melibatkan masyarakat yang mempunyai pelbagai latar belakang sosial seperti jantina (lelaki dan wanita) juga latar belakang profesion dan pendidikan yang berbeza seperti pekerja, pelajar, pendidik, aktivis profesional dan pemimpin termasuk badan bukan kerajaan. Antara aktiviti yang sering dilakukan dalam aktivisme sosial adalah seperti mengadakan perjumpaan, membuat pernyataan, berkempen, menganalisis masalah sosio-politik, mengatur dan mengambil bahagian dalam demonstrasi jalanan, dan menyatakan solidariti terhadap sesuatu isu. Ini menunjukkan bahawa aktivisme saling berkaitan dengan amalan dan pengalaman sosial yang membolehkan setiap individu dan masyarakat untuk memaknai sesuatu perkara (Brenman & Sanchez, 2014; Dolata, 2017; Earl dan Garret, 2017).

## **AKTIVISME SOSIAL DALAM TALIAN**

Istilah aktivisme dalam talian menunjukkan hubungan rapat antara sesebuah media dan aktiviti (Meikle, 2018). Ia juga merujuk pada kegiatan yang dilakukan menggunakan internet, media sosial atau jaringan komputer lain yang berfungsi sebagai alat untuk memudahkan komunikasi dan interaksi (Moyo, 2009, Dey, 2019,

Menteş, 2019). Penggunaan Internet menyediakan '*public sphere*' atau ruang awam yang membolehkan pengguna dalam talian mencipta kandungan dan terlibat dalam perbincangan (Mentes, 2019).

Sebilangan besar aktivisme sosio-politik dalam talian hari ini diaktifkan oleh penggunaan Web 1.0 seperti laman web konvensional dan Web 2.0 seperti platform media sosial. Aktivisme dalam talian dan berformat digital juga menunjukkan dimensi aktivisme media yang mana individu dapat menggunakan kreativiti mereka untuk membuat ekspresi diri, memberikan komen berkaitan isu sosio-politik dan menawarkan perspektif alternatif (Meikle, 2018; Kaun & Uldam, 2018; Menteş, 2019).

Menggunakan teknologi media baharu dengan bantuan Internet telah memudahkan pengguna untuk menyelaraskan dan mengatur aktivisme sosial. Aktiviti seperti menyebarkan maklumat, berkomunikasi dengan individu yang mempunyai perspektif yang sama atau berbeza, serta mengajak masyarakat untuk mengambil tindakan bersama dapat dilaksanakan dengan cepat dan mudah (Bennett & Segerberg, 2012; Ghobadi & Clegg, 2015; Menteş, 2019).

Medium dalam talian berfungsi sebagai 'ruang' di mana dalam konteks semasa, Internet membenarkan aktiviti representasi sosial yang membolehkan pengguna membuat, menghasilkan dan menyebarkan kandungan mereka sendiri melalui pemampatan ruang dan masa dengan potensi untuk menjangkau khalayak yang lebih meluas (Moore-Gilbert, 2018). Sehingga ke tahap seterusnya, aktiviti dalam talian dapat membantu pengguna untuk memberi gambaran tentang aktiviti sosial yang berlaku dalam persekitaran sebenar serta memberi gambaran bagaimana kejadian sosial berlaku di tempat lain.

## **PERDEBATAN SOROTAN KAJIAN AKTIVISME SOSIAL DALAM TALIAN**

Sorotan kajian mengenai aktivisme dalam talian sering diperdebatkan. Khususnya, penggunaan media sosial untuk tujuan aktivisme sosial secara dalam talian sering dirujuk sebagai '*clicktivism*' atau '*slacktivism*' yang menggambarkan aktivisme pasif (Morozov, 2009a; Lim, 2013; Halupka, 2018). Kedua istilah tersebut merujuk kepada aktiviti atau amalan berkaitan isu sosio-politik melalui penggunaan media sosial atau medium dalam talian yang melibatkan usaha atau komitmen yang sangat sedikit. Sebagai contoh, menekan simbol '*like*' untuk menunjukkan tanda suka atau setuju kepada sesuatu maklumat yang diterima. Meskipun aktiviti tersebut berpotensi menjangkau khalayak dalam talian dengan meluas, ianya dikritik kerana menyebabkan masyarakat kurang berusaha dan hanya mewujudkan aktivisme dalam talian yang bersifat malas (Morozov, 2009a; Lim, 2013).

Sungguhpun 'clicktivism' dan 'slacktivism' membolehkan pengguna untuk mengambil bahagian dalam aktiviti sosial secara dalam talian dan di luar sempadan geografi, ia menunjukkan kurangnya dedikasi dan komitmen di kalangan pengguna dalam talian (Menteş, 2019). Para sarjana juga berpendapat 'clicktivism' dan 'slacktivism' hanya akan menimbulkan isu ketidakpercayaan di mana ia dapat memberi kesan terhadap interaksi dan kepercayaan dalam talian kerana aktivisme dalam talian sering melibatkan hubungan '*weak ties*' atau hubungan rangkaian sosial yang lemah (Gladwell, 2010; Harlow, 2011).

Walau bagaimanapun, terdapat perspektif berbeza berkenaan aktivisme dalam talian yang menunjukkan bahawa media sosial dapat digunakan sebagai alat untuk menyelesaikan masalah sosio-politik dengan melakukan tindakan kolektif (Melucci, 1996; Gerbaudo, 2014; Brenman dan Sanchez, 2014; Tufekci, 2017). Sebagai contoh, penggunaan media sosial membolehkan orang ramai menangani isu sosio-politik dan memerlukan individu dan kumpulan tertentu untuk bertindak bersama. Ini termasuklah aktiviti menyelaraskan, mengatur, menggerakkan dan berkomunikasi secara dalaman dan luaran (Gerbaudo, 2014; Rao & Wasserman, 2017; Tufekci, 2017).

Penyebaran maklumat amat penting untuk memastikan perbincangan mengenai isu tertentu tetap diteruskan terutamanya dalam media sosial (Dey, 2019). Kajian berkaitan aktivisme dalam talian juga telah mengenal pasti bahawa media sosial berfungsi sebagai alat yang berkesan untuk meangaktifkan mesej naratif, membina rangkaian sosial, dan mempengaruhi wacana sosio-politik (Yan, Pegoraro & Watanabe, 2018; Dey, 2019). Ini menunjukkan bahawa meskipun tujuan utama Web 2.0 (seperti media sosial) adalah untuk membina rangkaian sosial, teknologi komunikasi baru dapat dimanfaatkan dan digunakan untuk meningkatkan aktiviti sosio-politik (Meikle, 2018).

Penggunaan Internet bukan sahaja berfungsi sebagai platform untuk komunikasi, tetapi juga membolehkan pertukaran budaya, pendapat dan perspektif. Aktivisme ini semakin diterima ramai kerana aktiviti tersebut tidak memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Proses sedemikian juga membolehkan orang ramai untuk mewakili diri mereka sendiri, bekerjasama dengan pengguna media sosial yang lain dan memperlihatkan kepada dunia berkenaan aktiviti sosio-politik yang ingin diperjuangkan walaupun terdapat perbezaan dari sudut masa dan lokasi.

## **AKTIVISME SOSIAL DALAM TALIAN: MEMPERKASAKAN PERANAN DAN PENYERTAAN MASYARAKAT**

Pelaku sosial adalah anggota masyarakat yang juga merupakan unit penting bagi sesebuah negara. Masyarakat merujuk kepada subjek atau pelaku yang mempunyai keupayaan untuk membina dan meningkatkan taraf kehidupan yang lebih baik

dengan cara melengkapkan diri dengan kemahiran dan ilmu yang diperlukan (Mäkinen, 2006; Magdalena, 2020). Setiap ilmu yang bermanfaat merupakan tanggungjawab atau fardu kifayah yang memerlukan individu untuk memenuhi keperluan masyarakat agar tujuan tersebut dapat memberi manfaat kepada Ummah sejagat (Abdullah Ahmad Badawi, 2016). Melalui teknologi komunikasi dan informasi juga, masyarakat dapat memperoleh kemahiran baru dan mempelajari cara bagaimana untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan secara dalam talian.

Proses memperkasakan masyarakat bukanlah suatu proses yang mudah kerana ia melibatkan aktivisme sosial yang meliputi pelbagai fasa dan peringkat seperti aspek komunikasi, aktiviti memperluas rangkaian sosial dan peluang kerjasama serta kepentingan meningkatkan kecekapan individu dan komuniti dalam era teknologi digital yang kian berkembang pesat (Magdalena, 2020). Oleh yang demikian, aspek pemerksaan amat penting bagi membolehkan setiap individu melakukan aktiviti sosial yang boleh memberi impak kepada kehidupan mereka dan merangsang mereka untuk menjadi masyarakat yang berdaya saing.

Dalam era media baharu, pemerksaan peranan masyarakat sebagai pelaku sosial adalah penting bagi mengelakkan individu beranggapan mereka hanya perlu bertindak sebagai pengguna kepada sesebuah platform media (Zulkiple, 2003). Pemerksaan peranan masyarakat bermaksud setiap individu dalam sesebuah negara mempunyai peranan dan potensi untuk mempengaruhi isu sosio-politik termasuklah dasar dan polisi bagi sesebuah negara. Untuk memperkasakan penyertaan masyarakat dalam aktivisme sosial, ianya memerlukan sikap terhadap kerjasama dan mempraktikkan pembelajaran bagi perkara yang baru. Masyarakat perlu lebih kritis bukan hanya dalam menentukan hala tuju negara, tetapi dalam menentukan kehidupan mereka yang lebih baik.

Kegiatan masyarakat menerusi aktivisme sosial terdiri daripada berbagai bentuk. Sebagai contoh, terdapat individu yang memainkan peranan dalam sesebuah komuniti, kumpulan sivik dan dalam organisasi, termasuklah mereka yang menggunakan saluran institusi untuk membuat tindakan. Manakala bentuk aktiviti juga pelbagai seperti isu yang merangkumi aspek sosial, politik, ekonomi dan agama.

Antara tindakan atau aktivisme sosial yang boleh dilakukan oleh masyarakat adalah seperti menggunakan perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh kerajaan, berkomunikasi dan berinteraksi dalam talian sesama masyarakat, dan seterusnya menghasilkan maklumat dalam talian seperti menulis artikel dan kemudian memuat naik dalam mana-mana rangkaian media sosial. Ini menunjukkan peranan dan tindakan masyarakat dapat dilakukan dari fasa yang mudah seperti menerima dan menggunakan platform yang disediakan, fasa sederhana seperti

melakukan interaksi dan komunikasi, seterusnya fasa yang sukar iaitu kemampuan untuk membuat dan menyediakan isi kandungan yang dapat dimuatnaik dan disebarkan secara dalam talian (Mäkinen, 2006). Kesemua aktiviti tersebut dapat menyumbang kepada penyertaan masyarakat dalam menjadikan mereka individu yang aktif untuk mengambil bahagian dalam aktiviti kemasyarakatan secara dalam talian dan berkebolehan untuk menjana kandungan yang dapat memberi pengaruh kepada dasar dan polisi negara (Rowena et al., 2015).

Sekiranya aktiviti sosial dapat disalurkan melalui rangkaian dalam talian, pandangan dan aspirasi masyarakat dapat dilontarkan dengan lebih mudah dan ianya dapat memberi kesan sosial secara langsung dan tidak langsung. Selain itu, rangkaian sosial juga dapat dibina dengan cara mempengaruhi perspektif dan menggalakkan penyertaan individu yang lain. Ini adalah kerana tanpa rangkaian sosial yang luas, penyertaan dan pengaruh aktivisme adalah mustahil untuk menjadi efektif.

#### **AKTIVISME SOSIAL DALAM TALIAN: KEBERSAMAAN, TINDAKAN KOLEKTIF, DAN IDENTITI KOLEKTIF**

Estetika aktivisme dalam talian juga berkait rapat dengan pembentukan kebersamaan. Untuk aktivisme sosial dan politik dalam talian menjadi berkesan, perpaduan atau kebersamaan mestilah dibentuk terlebih dahulu kerana fokus untuk menangani isu sosio-politik hanya dapat dilaksanakan sekiranya masyarakat bersatu padu. Aktivisme dalam talian yang berkesan juga mestilah mendorong pengembangan identiti kolektif dan semangat kebersamaan (Melucci, 1995, 1996; Gerbaudo, 2014, 2017).

Identiti kolektif merujuk kepada proses interaktif dan definisi bersama yang dihasilkan oleh individu dan kumpulan tertentu. Ia juga merujuk kepada orientasi sesuatu tindakan dan proses mengenalpasti peluang dan kekangan (Melucci, 1996: 70). Perkara ini turut dibincangkan dengan lebih mendalam oleh Melucci (1996: 70-71), seorang pakar dalam bidang sosiologi, yang berpendapat bahawa identiti kolektif mestilah merangkumi "definisi kognitif yang boleh ditakrifkan melalui bahasa/ritual/amalan/artifak budaya; rangkaian hubungan aktif antara pelaku yang saling berinteraksi, berdiskusi dan mempengaruhi (sama ada melalui percakapan, penulisan atau menggunakan teknologi) serta keperluan untuk menyuntik emosi yang membolehkan individu dan kumpulan untuk merasakan diri mereka sebagai sebahagian daripada kebersamaan tersebut".

Islam juga turut menekankan aspek kebersamaan dan kesatuan melalui pendekatan Tawhidik. Sebagai seorang Muslim, kita perlu mengakui keesaan Allah dan bertindak secara bersama berlandaskan ajaran Islam. Perpaduan adalah elemen

yang sering ditekankan dalam Islam apabila ditelusuri kembali ke sumber utamanya (Abdullah Ahmad Badawi, 2016). Masyarakat seharusnya bersatu padu mengukuhkan pembangunan Ummah di samping menjaga hubungan baik dengan masyarakat berlainan agama dan bangsa. Ini akan menunjukkan keindahan Islam dalam menganjurkan nilai-nilai hormat-menghormati, bekerjasama dan semangat untuk *ta'awun* atau bantu-membantu dalam mencapai kebaikan bersama. Pengamalan sikap kebersamaan juga dapat memupuk masyarakat yang harmoni dan stabil yang turut dipandu oleh visi kebersamaan sesebuah negara.

## AKTIVISME SOSIAL DALAM TALIAN: KEMPEN DAN AKTIVISME HASHTAG

Aktivisme sosial dalam talian sangat penting kerana memberi peluang kepada orang ramai untuk mendokumentasikan kegiatan sosio-politik mereka. Sebilangan besar aktiviti dalam talian yang telah dikaji berkaitan menunjukkan aktiviti berkempen sebagai taktik dan aktiviti yang sering digunakan (Dey, 2019; Menteş, 2019). Antara langkah terperinci mengendalikan aktiviti kempen secara dalam talian merangkumi proses pembinaan mesej, memilih komunikator yang bersesuaian, mengenal pasti khalayak sasaran untuk dipengaruhi, faktor-faktor yang dapat mempengaruhi khalayak sasaran (seperti emosi, fakta, mesej yang boleh dipercayai, atau penggunaan jenaka), dan platform yang biasanya digunakan oleh pengguna. Melalui kaedah ini, amalan untuk mengenalpasti sasaran khalayak dapat meningkatkan keberkesanan kempen dalam talian.

Selain itu, kita melihat aktivisme *hashtag* yang dilakukan secara dalam talian juga telah meraih populariti dan dianggap sebagai alat yang berkesan untuk meningkatkan kesedaran dan menyebarkan maklumat dalam talian (Bennett dan Segerberg, 2012; Gambs, 2012; Karatzogianni, 2015; Theocharis et al., 2015; Isa dan Himelboim, 2018). Penggunaan *hashtag* dan kata kunci telah digunakan secara meluas di Twitter untuk memudahkan pencarian maklumat atau mesej dan perbincangan bersama pengguna media sosial dapat diperluaskan (Zappavigna, 2011, 2014; Gambs, 2012; Tremayne, 2014; Isa dan Himelboim, 2018). Ini adalah kerana aktivisme *hashtag* juga telah digunakan secara meluas di platform media sosial lain seperti Instagram, YouTube dan Facebook.

Aktivisme *hashtag* kian menjadi aktiviti penting dalam bidang sosio-politik kerana ia membolehkan pengguna mengindeks kata kunci atau menceritakan perkara tertentu dengan hanya menggunakan kata kunci (Zappavigna, 2014: 211). Di samping itu, penggunaan *hashtag* membolehkan pengguna mengkategorikan kandungan mesej dan membolehkan mereka untuk mengikuti topik diskusi yang ingin diikuti dengan mudah dengan hanya menekan paparan *hashtag* dan kata kunci tersebut (Gruzd et al., 2011; Van Dijck, 2013; Zappavigna, 2014; Kamaruzzaman, 2019). Pengguna juga dapat mengumpul, menyusun dan memperluas carian pada topik tertentu (Gruzd et al.,

2011; Gleason, 2013; Ahmed et al., 2017). Perkara ini dapat kita lihat bagaimana pengguna media sosial membudayakan penggunaan *hashtag* bagi aktiviti sosio-politik. Sebagai contoh, pengguna media sosial menggunakan kata pagar dan kata kunci '#SavePalestine' untuk menunjukkan solidariti rakyat Malaysia kepada Palestin dan menggunakan #KempenBenderaPutih untuk memberikan kesedaran kepada orang ramai bagi membantu individu yang memerlukan bantuan akibat terkesan dengan Covid-19.

Penggunaan *hashtag* dalam isu sosio-politik adalah langkah penting untuk memberikan kesedaran kepada masyarakat terhadap sesuatu isu di samping mempengaruhi pandangan dan tindakan mereka. Malah, apabila diteruskan, aktivisme tersebut dapat membantu meningkatkan publisiti atau perhatian aktivisme sosio-politik terhadap mesej yang ingin disampaikan kepada masyarakat. Ia seterusnya membantu melazimkan sesuatu mesej agar dapat diterima oleh masyarakat sama ada di dalam mahupun di luar negara (Dolata, 2017, Tufekci, 2017).

Aktivisme *hashtag* tidak terbatas kepada perkongsian teks. Ini kerana, aktiviti memuatnaik URL video dan bahan dari pautan laman sesawang juga boleh dilakukan. Berkongsi maklumat menggunakan *hashtag* berupaya menyampaikan maklumat tersebut kepada masyarakat yang lebih meluas serta dapat dapat mempromosikan semangat kebersamaan dan tindakan kolektif apabila sesuatu mesej itu difahami (Saxton et al., 2015). Ini bermaksud, pelaku sosial dapat menyebarkan mesej atau naratif mereka dengan lebih mudah kerana mereka dapat menjangkau ribuan orang di seluruh negara dengan kos lebih murah dan mudah pada bila-bila masa dan di mana sahaja (Bennett dan Segerberg, 2012; Rane dan Salem, 2012; Vicari, 2013). Penyelidikan dalam bidang tindakan kolektif, perubahan sosial dan gerakan sosial jelas menunjukkan bahawa aktivisme *hashtag* dapat memudahkan proses perkongsian maklumat apabila melibatkan lapisan masyarakat yang berlainan (Rane dan Salem, 2012; Vicari, 2013). Selain itu, pelaku sosial dapat mencapai pengguna media sosial dan menggerakkan isu yang mungkin tidak dilaporkan oleh media arus perdana.

## KESIMPULAN

Aktivisme sosial melibatkan aktiviti, tindakan dan identiti bersama. Masyarakat merupakan agensi sosial dalam sesebuah negara dan terlibat dalam pelbagai aktiviti seperti komunikasi, interaksi, kolaborasi serta aktiviti yang boleh mempengaruhi perubahan sosial mahupun politik. Islam menekankan aktivisme sosial dengan menggariskan peranan individu dan kumpulan dalam sesebuah masyarakat untuk menyimbangkan kehidupan di dunia juga mencapai keredhaan Allah. Justeru itu, pemerksaan dan penglibatan masyarakat dalam aktivisme sosial perlu dicapai

menerusi ilmu pengetahuan dan kemahiran media digital yang diterapkan seiring dengan prinsip dan nilai-nilai Islam.

Pelaksanaan aktivisme sosial dalam talian sangat penting kerana ia memberi peluang dan ruang alternatif kepada masyarakat untuk melakukan kegiatan sosio-politik. Aktivisme sosial dalam talian mencerminkan simbiosis hubungan aktiviti dan media termasuklah penggunaan internet. Menerusi sorotan kajian, fenomena dan trend aktivisme sosial merangkumi penggunaan Web 1.0 seperti laman web dan Web 2.0 seperti media sosial. Tujuan penggunaan media dalam talian adalah pelbagai antaranya untuk melakukan ekspresi diri, memberikan kesedaran isu semasa, memohon sokongan berkenaan isu sosio-politik, memberikan pendapat dan memaklumkan isu yang tidak dilaporkan oleh media arus perdana.

Pemeriksaan aktivisme sosial secara dalam talian dilihat penting bagi membentuk masyarakat untuk bertindak lebih aktif dalam mengenalpasti masalah masyarakat dan melakukan perubahan sosial yang dapat menyumbang kebaikan Ummah sejagat. Sungguhpun terdapat perbezaan pendapat dalam sorotan kajian yang menyatakan aktivisme dalam talian bersifat lemah dan malas, pandangan berbeza menyatakan penggunaan media sosial dapat memupuk masyarakat melakukan tindakan kolektif (bersama) dalam menangani masalah atau isu sosio-politik.

Teknologi komunikasi dan informasi yang digunakan sebaiknya berupaya meningkatkan taraf kehidupan masyarakat yang lebih baik. Pemeriksaan aktivisme sosial melalui penerapan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang dipandu dengan prinsip serta nilai-nilai Islam dapat membuka mata masyarakat (terutamanya golongan Muslim) agar menjadi pengguna yang celik teknologi, berdaya saing dan berkreativiti. Ianya juga sebagai landasan agar masyarakat bersikap kritis dan tidak terlalu bergantung kepada sesebuah media dengan membuta tuli. Sebagai contoh, masyarakat memanfaatkan infrastruktur Internet yang disediakan oleh kerajaan untuk menyebarkan ilmu pengetahuan yang dapat mendidik pengguna lain untuk kekal berhemah dalam menggunakan jaringan internet dan rangkaian sosial. Melalui kaedah ini, penglibatan masyarakat dapat diperkasakan disamping menyubur pembangunan insan.

## RUJUKAN

Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. 2016. *Opening Address by Former Prime Minister of Malaysia and Chairman, IAIS Malaysia*. In Mohammad Hashim Kamali, Osman Bakar, Daud Abdul-Fattah Batchelor and Rugayah Hashim (eds.). *Islamic Perspectives on Science and Technology: Selected Conference Papers*, pp. 13-16.

- Ahmed, Wasim., Bath, Peter A. and Demartini, Gianluca. 2017. *Using Twitter as a Data Source: An Overview of Ethical, Legal, and Methodological Challenges* in Woodfield, K. (ed.) *The Ethics of Online Research: Advances in Research Ethics and Integrity*. Bingley: Emerald, pp. 79-107.
- Bennett, W. Lance & Segerberg, Alexandra. 2012. *The logic of connective action: Digital media and the personalization of contentious politics*. *Information, Communication & Society*, 15, 739-768.
- Brennan, Marc and Sanchez, Thomas, W. 2014. *Social Activism in Encyclopedia of Quality of Life and Well-Being Research*. In Alex C. Michalos (ed.). London: Springer. Pp. 6012-6017.
- Castells, Manuel. 1996. *The rise of the Network Society*. West Sussex, UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Castells, Manuel. 2010. *The rise of the Network Society*. West Sussex, UK: Blackwell Publishing Ltd.
- Dey, Sreyoshi. 2019. *Let there be clamor: Exploring the emergence of a new public sphere in India and use of social media as an instrument of activism*. *Journal of Communication Inquiry*, 0(0), pp. 1-21.1-21.
- Dumitrașcu, Veronica. 2015. *Social Activism: Theories and Methods*. *Revista Universitară de Sociologie*, 84 (2015), pp. 1-11.
- Dolata, Ulrich. 2017. *Social movements and the Internet: The sociotechnical constitution of collective Action*, *Stuttgarter Beiträge zur Organisations- und Innovations for Sozialwissenschaften*, Universität Stuttgart, Stuttgart.
- Earl, Jennifer & Garret, R. Kelly. 2017. *The New Information Frontier: Toward a More Nuanced View of Social Movement Communication*, *Social Movement Studies*, 16(4), pp. 479-493.
- Fuchs, Christian. 2008. *Internet and Society: Social Theory in the Information Age*. New York: Routledge.
- Fuchs, Christian. 2017. *Critical Social Theory and Sustainable Development: The Role of Class, Capitalism and Domination in a Dialectical Analysis of Un/Sustainability*. *Sustainable Development* 25 (6): 443-458.
- Gambas, Deborah. 2012. *Occupying Social Media, Socialism and Democracy*. 26 (2), pp. 55-60.
- Gerbaudo, Paolo. 2014. *The persistence of Collectivity in Digital Protest*. *Information, Communication & Society*, 17:2, pp. 264-268.
- Gerbaudo, Paolo. 2017. *Social Media Teams as Digital Vanguard: The Question of Leadership in the Management of Key Facebook and Twitter Accounts of Occupy Wall Street, Indignados and UK Uncut*. *Information, Communication & Society*, 20 (2), pp. 185-202.
- Ghobadi, Shahla & Clegg, Stewart. 2015. *These days will never be forgotten: A critical mass approach to online activism*. *Information and Organization*, 25, pp. 52-71.
- Gladwell, Malcolm. 2010. *Small change: Why the Revolution Will Not Be Tweeted*. The New Yorker. Retrieved from

<https://www.newyorker.com/magazine/2010/10/04/small-change-malcolmgladwell>.

- Gleason, Benjamin. 2013. *#Occupy Wall Street: Exploring Informal Learning About a Social Movement on Twitter*. *American Behavioral Scientist*, 57 (7), pp. 966-982.
- Gruzd, Anatoliy., Wellman, Barry & Takhteyev, Yuri. 2011. *Imagining Twitter as an Imagined Community*. *American Behavioral Scientist*, 55(10), pp. 1294-1318.
- Halupka, Max. 2018. *The legitimisation of clicktivism*. *Australian Journal of Political Science*, 53, 130-141.
- Harlow, Summer. 2011. *Social media and social movements: Facebook and an online Guatemalan justice movement that moved offline*. *New Media & Society*, 14, 225-243.
- Huelin, Rachel., Iheanacho, Ike., Payne, Krista. & Sandman, Karen. 2015. Akses melalui: <https://www.evidera.com/wp-content/uploads/2015/06/Whats-in-a-Name-Systematic-and-Non-Systematic-Literature-Reviews-and-Why-the-Distinction-Matters.pdf>
- Isa, Daud & Himelboim, Itai. 2018. *A Social Network Approach to Online Social Movement: Social Mediators and Mediated Content in #FreeAJStaff Twitter Network*. *Social Media +Society*, Vol. 4, pp. 1-14.
- Jalil, Abdullaah. 2011. *The Significances of Maslahah Concept and Doctrine of Maqasid (Objectives) Al-Shari'Ah in Project Evaluation*. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR)*, Vol. 3, No. 1, pp. 171-202.
- Kamaruzzaman, Kartini. 2019. *An In Depth Analysis Of Cyberconflict: A Case Study Of British Muslims And The #Notinmyname Movement*. University of Leicester. Thesis. <https://doi.org/10.25392/leicester.data.10303724.v1>
- Karatzogianni, Athina. 2015. *Fireband Waves of Digital Activism 1994-2014: The Rise and Spread of Hacktivism and Cyberconflict*. New York: Palgrave Macmillan.
- Kaun, Anne & Uldam, Julie. 2018. *Digital Activism: After the hype*. *New Media & Society*, 20 (6), pp. 2099-2106.
- Lim, Merlyna. 2013. *Many clicks but little sticks: Social media activism in Indonesia*. *Journal of Contemporary Asia*, 43, 636-657.
- Magdalena, Madra-Sawicka, Jeretta, Horn Nord, Joanna, Paliszkiwicz & Tzong-Ru, Lee. 2020. *Digital Media: Empowerment and Equality*. *Information* 2020, 11, pp. 1-12.
- Mäkinen, Maarit. 2006. *Digital Empowerment as a Process for Enhancing Citizens' Participation*. *E-Learning*, Volume 3, Number 3, pp. 381-395.
- Meikle, Graham. 2018. *The Routledge Companion to Media and Activism*. Abingdon, Oxon: Routledge.
- Melucci, Alberto. 1996. *Challenging Codes: Collective Action in the Information Age*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Menteş, Süleyman Ahmet. 2019. *Online Environmental Activism: The Case of Igneada Floodplain Forest*. *Original Research*, July-September 2019, pp. 1-10.
- Moher D, Shamseer L, Clarke M, Ghersi D, Liberati A, Petticrew M, Shekelle P, Stewart LA, and PRISMA-P Group. Preferred Reporting Items for Systematic

- Review and Meta-analysis Protocols (PRISMA-P) 2015 Statement. *Syst Rev.* 2015 Jan 1; 4:1.
- Moore-Gilbert, Kylie. 2018. *Mediated Mobilisation After the Arab Spring: How Online Activism is Shaping Bahrain's Opposition*. *Australian Journal of Political Science*, 53, 78-88.
- Morozov, Evgeny. 2009a. *The brave new world of slacktivism*. *Foreign Policy*. Retrieved from <https://foreignpolicy.com/2009/05/19/the-brave-new-world-of-slacktivism/>
- Mowlana, Hamid. 1993. *The New Global Order and Cultural Ecology*. *Media, Culture & Society*, Vol. 15, No.1, pp. 9-27.
- Moyo, Last. 2009. *Digital democracy: Enhancing the public sphere*. In G. Creeber & R. Martin (Eds.), *Digital cultures: Understanding new media* (pp. 139-150). Berkshire, UK: Open University Press.
- Opwis, Felicitas. 2005. *Maslahah in contemporary Islamic legal theory*. *Islamic Law and Society*, 12 (2), 182-223.
- Raquist, A. 2016. *Maqasid al-Shari'ah : A Traditional Source for Ensuring Design and Development of Modern Technology for Humanity's Benefit*. In Mohammad Hashim Kamali, Osman Baakr, Daud Abdul-Fattah Batchelor and Rugayah Hashim (Eds.) *Islamic Perspectives on Science and Technology: Selected Conference Papers.*, pp. 143-167.
- Rao, Shakuntala & Wasserman, Hermam. 2017. *Global student protests in the news*. *African Journalism Studies*, 38(2), 1-4.
- Rane, Halim and Salem, Sumra. 2012. *Social Media, Social Movements and the Diffusion of Ideas in the Arab Uprisings*. *The Journal of International Communication*, 18(1), pp. 97-111.
- Rowena Hill, Lucy Betts, & Sarah Gardner. 2015. *Empowerment and Enablement through Digital Technology in the Generation of the Digital Age*. *Computers in Human Behavior*. Volume 48, July 2015, pp. 415-423.
- Saxton, Gregory. D., Niyirora, Jerome, N., Guo, Chao. & Waters, Richard. D. 2015. *#AdvocatingForChange: The Strategic Use of Hashtags in Social Media Advocacy*. *Advances in Social Work*, Vol. 16 No. 1 (Spring 2015), 154-169.
- Shamseer, Larissa., Moher, David., Clarke, Mike., Ghersi, Davina. Liberati, Alessandro., Petticrew, Mark., Shekelle, Paul., Stewart, Lesley A., the PRISMA-P Group. 2015. *Preferred Reporting Items for Systematic Review and Meta-analysis Protocols (PRISMA-P) 2015: Elaboration and Explanation*. *Research Methods & Reporting*. pp. 1-25.
- Tufekci, Zeynep. 2017. *Twitter and Tear Gas: The Power and Fragility of Networked Protests*. New Haven & London: Yale University Press.
- Tremayne, Mark. 2014. *Anatomy of Protest in the Digital Era: A Network Analysis of Twitter and Occupy Wall Street*. *Social Movement Studies*, 13(1), pp. 110-126.
- Yan, Grace., Pegoraro, Ann. & Watanabe, Nicholas M. 2018. *Student-athletes' organization of activism at the University of Missouri: Resource mobilization on Twitter*. *Journal of Sport Management*, 32, 24-37.

- Van Dijck, José. 2013. *The Culture of Connectivity: A Critical History of Social Media*. Oxford: Oxford University Press.
- Vicari, Stefani. 2013. *Public Reasoning around Social Contention: A Case Study of Twitter Use in the Italian Mobilization for Global Change*. *Current Sociology*, 61(4), pp. 474-490.
- Zappavigna, Michele. 2011. *Ambient Affiliation: A Linguistic Perspective on Twitter*. *New Media and Society*, 13(5), pp. 788-806.
- Zappavigna, Michele. 2014. *Enacting Identity in Microblogging Through Ambient Affiliation*. *Discourse & Communication* 2014, 8(2), pp. 209-228.
- Zulkiple, Abdul Ghani. 2003. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.